

# Pak Lah perlu cukup masa

## Kejayaan dasar sekurang-kurangnya selepas lima tahun dilaksana: Muhyiddin

**Oleh Norfatimah Ahmad**

**K**UALA LUMPUR: Pemimpin kanan Umno mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diberi masa secukupnya untuk melaksanakan dan melihat kejayaan hasil dasar-dasarnya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Abdullah memerlukan lebih dari sepenggal untuk membuktikan keberkesanan kepimpinan beliau.

Justeru, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani itu berkata, kenyataan Abdullah yang bertegas untuk 'tidak lari' harus disokong rakyat sekali gus memberi peluang kepada Perdana Menteri untuk membawa negara lebih jauh ke depan.

"Saya berasa sukacita dengar Perdana Menteri tegas dalam perkara ini sebab saya dengar ada pihak yang kata Pak Lah tak akan kekal lama," katanya ketika ditemui di majlis Rumah Terbuka Hari Raya di rumahnya di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini yang menyebut Abdullah sebagai berkata beliau tidak akan menjadi "Perdana Menteri Sepenggal".

Muhyiddin yang juga Naib Presiden Umno berkata adalah sukar untuk melihat hasil daripada dasar yang dilaksanakan kerajaan pimpinan Abdullah sekarang dalam masa sesingkat tiga atau empat tahun.

"Tengok (bekas Perdana Menteri) Tun Dr Mahathir, awal-awal dulu be-

liau juga menghadapi banyak cabaran tetapi sekarang kita boleh tengok kejayaannya, dan PM (Abdullah) nak lanjutkan lagi kejayaan ini, takkan nak bagi sepenggal, dua penggal saja," katanya.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam pula berpendapat, tempoh masa panjang perlu diberikan kepada Abdullah untuk menjalankan tugas sebaik mungkin tanpa sebarang gangguan.

"Paling cepat untuk melihat hasil awal daripada pelaksanaan dasar yang dilaksanakan Perdana Menteri adalah pertengahan tahun depan, tetapi masalahnya banyak pihak yang tidak sabar," katanya selepas menutup Kursus Kepemimpinan Kelab Umno Luar Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Ketua Menteri Melaka itu berkata, Kabinet atau Umno sentiasa menyokong penuh keputusan Abdullah kerana ia dibuat melalui proses musyawarah.

*Jika Dr Mahathir  
ambil masa 21  
tahun tentunya satu  
penggal tidak cukup  
untuk Pak Lah  
buktikan sesuatu"*

**Mohd Ali Rustam**  
Naib Presiden Umno